



## BAB EMPAT

Gelagat Penggunaan Barang Keperluan Di  
Kalangan Pengguna Muslim Di Daerah Petaling  
Jaya, Selangor

## BAB EMPAT

### 4.0 GELAGAT PENGGUNAAN BARANG KEPERLUAN DI KALANGAN PENGGUNA MUSLIM DI DAERAH PETALING JAYA, SELANGOR

Bahagian ini akan menerangkan latar belakang pengguna muslim di Petaling Jaya yang mewakili lokasi kajian di bandar besar secara ringkas. Seterusnya bahagian ini akan mengemukakan keadaan demografi responden di Petaling Jaya seperti jantina, umur, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, bilangan isi rumah, pendapatan bulanan, kawasan tempat tinggal dan taraf perkahwinan.

Kemudiaannya akan dikemukakan hasil kajian berkaitan gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim di Petaling Jaya yang meliputi peruntukan perbelanjaan, barang pilihan utama, tarikan pembelian, saluran maklumat, lokasi pembelian dan kriteria pemilihan barang keperluan.

#### 4.1 Latar belakang penduduk Petaling Jaya, Selangor

##### 4.1.1 Pendahuluan

Petaling Jaya yang mempunyai keluasan 97.2 km persegi mempunyai jumlah penduduk seramai 486 040 orang dengan 97 208 isi rumah. Bunga rasmi bagi Petaling Jaya ialah Bunga Inai Merah.

Petaling Jaya merupakan bandar satelit pertama di Malaysia yang telah dirancang untuk mengatasi masalah kesesakan di Bandaraya Kuala Lumpur. Petaling Jaya telah dibuka pada tahun 50an yang asalnya terdiri daripada kawasan ladang kelapa sawit, paya dan ladang getah. Bukit Gasing, Universiti Malaya dan

rintisan elektrik di Subang Jaya sebagai ‘green belt’ menjadikan penempatan baru ini sebagai satu entiti tersendiri.

Petaling Jaya yang mempunyai 20 buah pusat bandar berada di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ). Petaling Jaya dibahagikan kepada 4 kawasan pentadbiran yang utama iaitu kawasan Seksyen, kawasan Sungai Way – Subang (SS), kawasan Petaling Jaya Selatan (PJS) dan kawasan Petaling Jaya Utara (PJU).

#### 4.1.2 Bilangan penduduk mengikut Kawasan.

Penduduk di Petaling Jaya yang berada di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) pada tahun 2000 adalah seramai 486 040 orang. Kawasan Petaling Jaya Utara mempunyai bilangan penduduk yang paling ramai iaitu 136 440 orang yang mewakili 28.07 % penduduk Petaling Jaya. Manakala kawasan Seksyen hanya mempunyai seramai 95 020 orang penduduk yang membentuk 19.56 % daripada jumlah keseluruhan penduduk di Petaling Jaya. Jadual 4.1 menunjukkan taburan penduduk mengikut kawasan.

Jadual 4.1 : Taburan Penduduk Mengikut Kawasan

Kawasan	Penduduk	Peratus (%)
Seksyen	95 020	19.56 %
Sungai Way – Subang	118 665	24.41 %
Petaling Jaya Selatan	135 915	27.96 %
Petaling Jaya Utara	136 440	28.07 %
Jumlah	486 040	100 %

Sumber : Unit PJGIS, Bahagian Perancangan Pembangunan, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

#### 4.1.3 Jumlah Penduduk Mengikut Kaum

Jumlah penduduk di Petaling Jaya adalah seramai 486 040 orang. Majoriti penduduk di Petaling Jaya adalah berketurunan Cina iaitu seramai 204 137 orang

yang mewakili 42 % jumlah keseluruhan penduduk Petaling Jaya. Penduduk yang berketurunan Melayu pula seramai 184 695 orang iaitu membentuk 38 % jumlah keseluruhan penduduk Petaling Jaya. Manakala penduduk berketurunan India pula adalah sebanyak 19 % iaitu seramai 92 348 orang dan penduduk daripada lain-lain bangsa pula hanya seramai 4 860 orang yang mewakili 1 % jumlah keseluruhan penduduk Petaling Jaya. Secara umumnya Petaling Jaya mempunyai penduduk yang berbilang kaum dengan kaum Cina dan kaum Melayu mendominasi jumlah penduduk.

Menyentuh skop kajian terhadap pengguna muslim, tiada suatu data yang tepat mengenai jumlah sebenar penganut agama Islam di Petaling Jaya. Maka penulis menggunakan jumlah penduduk Melayu iaitu seramai 184 695 orang. Ianya berdasarkan lumrah fenomena orang Melayu adalah beragama Islam. Jadual 4.2 menunjukkan jumlah penduduk mengikut kaum.

Jadual 4.2 : Jumlah Penduduk Mengikut Kaum.

Kaum	Bilangan Penduduk	Peratus (%)
Melayu	184 695	38 %
Cina	204 137	42 %
India	92 348	19 %
Lain-lain	4 860	1 %
Jumlah	486 040	100 %

Sumber : Unit PJJGIS, Bahagian Perancangan Pembangunan, Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

#### 4.1.4 Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur.

Majoriti penduduk di Petaling Jaya adalah dalam lingkungan umur 15 hingga 39 tahun iaitu seramai 160 393 orang yang mewakili 33 % daripada jumlah keseluruhan penduduk. Manakala penduduk yang berumur 55 tahun ke atas adalah golongan yang paling sedikit iaitu hanyalah seramai 68 046 orang

yang membentuk 14 % daripada jumlah keseluruhan penduduk. Jadual 4.3 menunjukkan taburan penduduk di Petaling Jaya mengikut kumpulan umur.

Jadual 4.3 : Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur.

Kumpulan Umur	Bilangan Penduduk (orang)	Peratus (%)
0 – 14 tahun	106 929	22 %
15 – 39 tahun	160 393	33 %
40 – 54 tahun	150 672	31 %
55 tahun ke atas	68 046	14 %
Jumlah	486 040	100 %

Sumber : Unit PJKIS, Bahagian Perancangan Pembangunan, Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

#### 4.1.5 Penggunaan Tanah

Lebih daripada separuh keluasan tanah di Petaling Jaya digunakan untuk tujuan perumahan iaitu sebanyak 51.51 km persegi yang mewakili 53 % keluasan tanah keseluruhan. Kawasan perindustrian pula seluas 13.61 km persegi iaitu membentuk 14 % keluasan tanah keseluruhan. Sebanyak 8.75 km persegi tanah pula adalah tanah lapang yang mewakili 9 % keluasan keseluruhan tanah. Tanah yang digunakan untuk penyediaan infrastruktur mempunyai keluasan yang sama dengan keluasan tanah lapang. Kawasan perdagangan pula seluas 5.83 km persegi iaitu membentuk 6 % keluasan tanah keseluruhan. Tanah seluas 4.86 km persegi pula digunakan untuk menyediakan kemudahan kepada masyarakat yang membentuk 5 % keluasan tanah keseluruhan. Kawasan selebihnya seluas 3.89 km persegi pula yang mewakili 4 % keluasan keseluruhan digunakan untuk tujuan-tujuan lain. Jadual 4.4 menunjukkan taburan penggunaan tanah dan keluasan.

**Jadual 4.4 : Taburan Penggunaan Tanah Dan Keluasan.**

Bil	Penggunaan	Keluasan (km persegi)	Peratus (%)
1	Perumahan	51.51	53 %
2	Perindustrian	13.61	14 %
3	Kawasan Lapang	8.75	9 %
4	Infrastruktur	8.75	9 %
5	Perdagangan	5.83	6 %
6	Kemudahan Masyarakat	4.86	5 %
7	Lain-lain	3.89	4 %
Jumlah		97.2	100 %

Sumber : Unit PJGIS, Bahagian Perancangan Pembangunan, Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

#### 4.1.6 Kemudahan Awam

Terdapat sembilan buah pusat kesihatan di Petaling Jaya. 5 buah pusat kesihatan milik kerajaan dan 4 buah lagi adalah pusat kesihatan swasta. Jadual 4.5 menunjukkan taburan pusat kesihatan.

**Jadual 4.5 : Taburan Pusat Kesihatan**

Bil	Pusat Kesihatan	Jumlah
1	Pusat Kesihatan Kerajaan	5
2	Pusat Kesihatan Swasta	4

Sumber : Unit PJGIS, Bahagian Perancangan Pembangunan, Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Petaling Jaya mempunyai prasarana pendidikan yang sangat baik dan lengkap. Terdapat 197 buah tadika atau taska untuk pendidikan awal kanak-kanak. Bilangan sekolah rendah pula adalah sebanyak 41 buah. Manakala bilangan sekolah menengah adalah sebanyak 16 buah. Petaling Jaya juga mempunyai prasarana pendidikan peringkat tinggi kerana mempunyai 7 buah Institut Pengajian Tinggi Awam atau Institut Pengajian Tinggi Swasta. Jadual 4.6 menunjukkan taburan prasarana pendidikan.

**Jadual 4.6 : Prasarana Pendidikan**

Bil	Institusi	Jumlah
1	Tadika / Taska	197
2	Sekolah Rendah	41
3	Sekolah Menengah	16
4	IPTA / IPTS	7

Sumber : Unit PJGIS, Bahagian Perancangan Pembangunan, Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Kemudahan tempat ibadat disediakan kepada semua agama. Terdapat 11 buah masjid, 6 buah kuil dan 3 buah tokong untuk digunakan oleh penduduk di Petaling Jaya. Jadual 4.7 menunjukkan taburan tempat ibadat.

Jadual 4.7 : Tempat Ibadat

Bil	Tempat Ibadat	Jumlah
1	Masjid	11
2	Kuil	6
3	Tokong	3

Sumber : Unit PJGIS, Bahagian Perancangan Pembangunan, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Penduduk Petaling Jaya juga menikmati kemudahan awam yang lengkap. Terdapat 3 buah dewan serbaguna dan 10 buah balai raya. Antara kemudahan sukan yang utama ialah terdapat 2 buah stadium. Manakala Balai Polis pula ada 5 buah dan 4 buah Balai Bomba di Petaling Jaya. Bagi urusan perhubungan pula terdapat 9 buah Pejabat Pos. Jadual 4.8 menunjukkan taburan kemudahan awam.

Jadual 4.8 : Kemudahan Awam

Bil	Kemudahan Awam	Jumlah
1	Dewan Serbaguna	3
2	Balai Raya	10
3	Stadium	2
4	Balai Polis	5
5	Balai Bomba	4
6	Pejabat Pos	9

Sumber : Unit PJGIS, Bahagian Perancangan Pembangunan, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Sebagaimana tempat ibadat, kawasan perkuburan juga disediakan kepada semua agama di Petaling Jaya. Terdapat 4 buah tanah perkuburan Islam, 2 buah tanah perkuburan Hindu dan sebuah tanah perkuburan Buddha dan sebuah tanah perkuburan bagi penganut agama kristian. Jadual 4.9 menunjukkan taburan tanah perkuburan.

**Jadual 4.9 : Tanah Perkuburan**

Tanah Perkuburan	Lokasi	Keluasan (ekar)
Islam	Seksyen 19	6
	Jalan 229/51A	7.9
	Bukit Tandang (PJS5)	1.5
	Sungai Buloh	50
Buddha/Confusian	Jalan 229/51A	20
Hindu	SS21	4
	Jalan 229/51A	5
Kristian	Jalan 229/51A	5

Sumber : Unit PJGIS, Bahagian Perancangan Pembangunan, Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

## 4.2 Keadaan demografi pengguna muslim di Petaling Jaya, Selangor.

Soal selidik telah dijalankan secara langsung kepada 150 orang responden yang beragama Islam di Petaling Jaya. Responden telah dipilih secara rawak daripada setiap zon pentadbiran yang berada di dalam Petaling Jaya iaitu kawasan Seksyen (S), kawasan Petaling Jaya Utara (PJU), kawasan Sungai Way-Subang (SS) dan kawasan Petaling Jaya Selatan(PJS) bagi memastikan data yang diperolehi dapat mewakili keseluruhan pengguna muslim di Petaling Jaya. Responden hanya dipilih di kalangan ketua atau wakil isi rumah sahaja.

### 4.2.1 Jantina Responden

Taburan jantina bagi ketua isi rumah di Petaling Jaya menunjukkan bilangan ketua isi rumah lelaki lebih ramai daripada ketua isi rumah perempuan. Sebanyak 94.7% ketua isi rumah ialah lelaki iaitu seramai 142 orang dan ketua isi rumah perempuan adalah seramai 8 orang iaitu 5.3% daripada jumlah keseluruhan responden seramai 150 orang.

Secara umumnya kebanyakannya isi rumah responden di Petaling Jaya diketuai oleh lelaki. Jadual 4.10 menunjukkan taburan ketua isi rumah di Petaling Jaya mengikut jantina.

Jadual 4.10 : Taburan Jantina Ketua Isi Rumah.

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid lelaki	142	94.7	94.7	94.7
perempuan	8	5.3	5.3	100.0
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.2.2 Umur Ketua Isi Rumah

Taburan umur ketua isi rumah di Petaling Jaya menunjukkan majoriti ketua isi rumah adalah dalam lingkungan umur 35 – 44 tahun iaitu sebanyak 36.7% atau 55 orang dan lingkungan umur 45 – 64 tahun sebanyak 36% atau 54 orang daripada jumlah keseluruhan seramai 150 orang responden. Hanya 2% sahaja ketua isi rumah dalam lingkungan umur 65 tahun ke atas iaitu mewakili 3 orang responden dan 1.3% dalam lingkungan umur 16 – 24 tahun iaitu mewakili 2 orang responden yang merupakan kategori umur yang mempunyai kekerapan paling sedikit.

Kesimpulannya, sebahagian besar keluarga responden di Petaling Jaya diketuai oleh golongan yang berumur di antara 35 – 64 tahun berbanding dengan golongan yang berumur 24 tahun ke bawah atau 65 tahun ke atas. Jadual 4.11 menunjukkan taburan ketua isi rumah di Petaling Jaya mengikut umur.

Jadual 4.11 : Taburan Umur Ketua Isi Rumah.

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid 16-24 tahun	2	1.3	1.3	1.3
25-34 tahun	36	24.0	24.0	25.3
35-44 tahun	55	36.7	36.7	62.0
45-64 tahun	54	36.0	36.0	98.0
65 tahun ke atas	3	2.0	2.0	100.0
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.2.3 Tahap Pendidikan

Taburan tahap pendidikan ketua isi rumah di Petaling Jaya menunjukkan majoriti ketua isi rumah mendapat pendidikan pada tahap SPM / STPM iaitu 49.3% yang mewakili 74 orang responden daripada jumlah keseluruhan seramai 150 orang responden. Manakala ketua isi rumah yang mendapat pendidikan lanjutan adalah seramai 20 orang atau 13.3% di peringkat diploma, 17 orang atau 11.3% di peringkat ijazah dan 7 orang atau 4.7% di peringkat sarjana / Phd.

Kesimpulannya majoriti ketua isi rumah di Petaling Jaya iaitu sebanyak 70.7% responden mempunyai pendidikan pada tahap SPM / STPM dan sebanyak 29.3% responden mempunyai tahap pendidikan lanjutan sama ada diperingkat diploma, ijazah atau sarjana / Phd. Jadual 4.12 menunjukkan taburan ketua isi rumah di Petaling Jaya mengikut tahap pendidikan.

Jadual 4.12 : Taburan Tahap Pendidikan Ketua Isi Rumah

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sekolah rendah	14	9.4	9.4	9.4
SRP / PMR	18	12.0	12.0	21.4
SPM / STPM	74	49.3	49.3	70.7
Diploma	20	13.3	13.3	84.0
Ijazah	17	11.3	11.3	95.3
Sarjana / Phd	7	4.7	4.7	100.0
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.2.4 Jenis Pekerjaan

Taburan jenis pekerjaan ketua isi rumah menunjukkan majoriti ketua isi rumah di Petaling Jaya bekerja di bidang perkhidmatan iaitu seramai 46 orang yang membentuk 30.7% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden diikuti oleh bidang pengurusan atau pentadbiran seramai 36 orang atau 24% dan bidang keusahawanan seramai 34 orang atau 22.7%. Manakala bidang pekerjaan yang paling kecil jumlahnya ialah bidang profesional sebanyak 7.3% iaitu seramai 11 orang.

Kesimpulannya, taburan pekerjaan ketua isi rumah di Petaling Jaya agak seimbang antara bidang perkhidmatan, pengurusan atau pentadbiran dan bidang keusahawanan. Jadual 4.13 menunjukkan taburan ketua isi rumah di Petaling Jaya mengikut tahap pekerjaan.

Jadual 4.13 : Taburan Jenis Pekerjaan Ketua Isi Rumah.

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	profesional	11	7.3	7.3	7.3
	pengurusan / pentadbiran	36	24.0	24.0	31.3
	sokongan	23	15.3	15.3	46.7
	perkhidmatan	46	30.7	30.7	77.3
	keusahawanan	34	22.7	22.7	
	<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Ujian Klasifikasi Silang (*crosstab*) tahap pendidikan dengan jenis pekerjaan ketua isi rumah menunjukkan hubungan yang positif iaitu ketua isi rumah yang mempunyai tahap pendidikan hanya di peringkat sekolah rendah bekerja di dalam bidang perkhidmatan, sokongan dan keusahawanan sahaja iaitu 4.7% atau 7 orang di dalam bidang keusahawanan, 2.7% atau 4 orang di dalam bidang sokongan dan 2% atau 3 orang di dalam bidang perkhidmatan.

Manakala ketua isi rumah yang mempunyai tahap pendidikan di peringkat sarjana / Phd pula hanya bekerja di dalam bidang profesional atau pengurusan / pentadbiran sahaja iaitu 3.3% atau seramai 5 orang di dalam bidang profesional dan 1.3% atau 2 orang di dalam bidang pengurusan / pentadbiran. Jadual 4.14 menunjukkan klasifikasi silang tahap pendidikan dengan jenis pekerjaan ketua isi rumah di Petaling Jaya.

Jadual 4.14 : Klasifikasi Silang Tahap Pendidikan Dengan Jenis Pekerjaan Ketua Isi Rumah.

	Jenis Pekerjaan					Jumlah	
	Profesional	Pengurusan /pentadbiran	Perkhidmatan	Usahawan	Sokongan		
<b>P e n d i k a n</b>	<b>Sekolah rendah</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>3</b> <b>(2%)</b>	<b>7</b> <b>(4.7%)</b>	<b>4</b> <b>(2.7%)</b>	<b>14</b> <b>(9.3%)</b>
	<b>SRP / PMR</b>	<b>0</b>	<b>1</b> <b>(0.7%)</b>	<b>7</b> <b>(4.7%)</b>	<b>5</b> <b>(3.3%)</b>	<b>5</b> <b>(3.3%)</b>	<b>18</b> <b>(12%)</b>
	<b>SPM / STPM</b>	<b>0</b>	<b>13</b> <b>(8.7%)</b>	<b>29</b> <b>(19.3%)</b>	<b>19</b> <b>(12.7%)</b>	<b>13</b> <b>(8.7%)</b>	<b>74</b> <b>(49.3%)</b>
	<b>Diploma</b>	<b>1</b> <b>(0.7%)</b>	<b>10</b> <b>(6.7%)</b>	<b>5</b> <b>(3.3%)</b>	<b>3</b> <b>(2%)</b>	<b>1</b> <b>(0.7%)</b>	<b>20</b> <b>(13.3%)</b>
	<b>Ijazah</b>	<b>5</b> <b>(3.3%)</b>	<b>10</b> <b>(6.7%)</b>	<b>2</b> <b>(1.3%)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>17</b> <b>(11.3%)</b>
	<b>Sarjana / Phd</b>	<b>5</b> <b>(3.3%)</b>	<b>2</b> <b>(1.3%)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>7</b> <b>(4.7%)</b>
<b>Jumlah</b>		<b>11</b> <b>(7.3%)</b>	<b>36</b> <b>(24%)</b>	<b>46</b> <b>(30.7%)</b>	<b>34</b> <b>(22.7%)</b>	<b>23</b> <b>(15.3%)</b>	<b>150</b> <b>(100%)</b>

#### 4.2.5 Bilangan Isi Rumah

Taburan bilangan isi rumah responden menunjukkan majoriti responden mempunyai bilangan isi rumah 4 – 6 orang iaitu seramai 91 orang yang membentuk 60.7% daripada jumlah keseluruhan 150 orang dan 26.7% mempunyai bilangan isi rumah 7 – 9 orang yang diwakili oleh 40 orang responden. Manakala kategori bilangan isi rumah 10 – 12 orang dan 16 orang ke atas masing-masing hanya mempunyai 2 orang atau 1.3% responden sahaja.

Kesimpulannya, kebanyakan isi rumah di Petaling Jaya mempunyai bilangan isi rumah yang sederhana ramai iaitu di antara 4 – 9 orang. Jadual 4.15 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut bilangan isi rumah.

Jadual 4.15 : Taburan Bilangan Isi Rumah Responden.

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid 1 – 3 orang	15	10.0	10.0	10.0
4 – 6 orang	91	60.7	60.7	70.7
7 – 9 orang	40	26.7	26.7	97.4
10 – 12 orang	2	1.3	1.3	98.7
16 orang ke atas	2	1.3	1.3	100.0
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.2.6 Pendapatan Bulanan

Taburan pendapatan isi rumah menunjukkan majoriti isi rumah di Petaling Jaya mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM 511 – RM 1020 iaitu seramai 40 orang yang mewakili 26.7% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden diikuti dengan pendapatan sebanyak RM 1501 – RM 2000 seramai 36 orang yang membentuk 24% jumlah keseluruhan.<sup>1</sup>

Kesimpulannya, kesemua responden di Petaling Jaya mempunyai pendapatan bulanan di luar daripada garis kemiskinan.<sup>2</sup> Hanya 26.7% responden atau 40 orang sahaja yang mempunyai pendapatan di antara RM 511 – RM 1020 manakala selebihnya mempunyai pendapatan melebihi RM 1021 yang boleh dianggap sebagai mencapai *Had al-Kifāyah*<sup>3</sup> atau dapat memenuhi keperluan minimum kehidupan. Jadual 4.16 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut pendapatan bulanan isi rumah.

Jadual 4.16 : Taburan Pendapatan Bulanan Isi Rumah

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	RM 511 – RM 1020	40	26.7	26.7	26.7
	RM 1021 – RM 1500	20	13.3	13.3	40.0
	RM 1501 – RM 2000	36	24.0	24.0	64.0
	RM 2001 – RM 3000	22	14.7	14.7	78.7
	RM 3001 – RM 4000	12	8.0	8.0	86.7
	RM 4001 ke atas	20	13.3	13.3	
	Total	150	100.0	100.0	100.0

#### 4.2.7 Kawasan Tempat Tinggal

Taburan kawasan tempat tinggal menunjukkan responden di Petaling Jaya kesemuanya tinggal di kawasan yang boleh dikategorikan sebagai bandar besar.

Jadual 4.17 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut kawasan tempat tinggal.

Jadual 4.17 : Taburan Kawasan Tempat Tinggal Responden.

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Bandar besar	150	100.0	100.0	100.0
	Total	150	100.0	100.0	

#### 4.2.8 Taraf Perkahwinan

Taburan taraf perkahwinan menunjukkan majoriti ketua isi rumah di Petaling Jaya berkahwin iaitu seramai 140 orang yang mewakili 93.3% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responen. Manakala ketua isi rumah yang bertaraf duda atau janda adalah seramai 7 orang yang mewakili 4.7% daripada jumlah keseluruhan. Selebihnya ketua isi rumah yang bertaraf bujang adalah seramai 2 orang yang membentuk 1.3% jumlah keseluruhan. Hanya seorang sahaja atau 0.7% ketua isi rumah yang bertaraf balu iaitu perempuan yang kematian suami.

Jadual 4.18 dan menunjukkan taburan ketua isi rumah di Petaling Jaya mengikut taraf perkahwinan.

Jadual 4.18 : Taburan Taraf Perkahwinan Ketua Isi Rumah.

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid				
berkahwin	140	93.3	93.3	93.3
bujang	2	1.3	1.3	94.6
duda / janda	7	4.7	4.7	99.3
balu	1	0.7	0.7	100.0
Total	150	100.0	100.0	


#### 4.3 Peruntukan perbelanjaan untuk barang keperluan

Taburan peruntukan perbelanjaan untuk barang keperluan bagi tempoh sebulan menunjukkan majoriti responden di Petaling Jaya telah membelanjakan sebanyak RM 511 – RM 1020 iaitu seramai 59 orang yang mewakili 39.3% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden. Responden yang membelanjakan RM 226 - RM 510 hanya 2 orang yang mewakili 1.3% jumlah keseluruhan. Manakala hanya seorang sahaja responden yang membelanjakan RM 4001 ke atas yang mewakili 0.7% jumlah keseluruhan. Jadual 4.19 dan Rajah 3.1 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut peruntukan perbelanjaan untuk barang keperluan.

Jadual 4.19 : Taburan Peruntukan Perbelanjaan Untuk Barang Keperluan

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid				
RM 226 – RM 510	2	1.3	1.3	1.3
RM 511 – RM 1020	59	39.3	39.3	40.6
RM 1021 – RM 1500	36	24.0	24.0	64.6
RM 1501 – RM 2000	37	24.7	24.7	89.3
RM 2001 – RM 3000	13	8.7	8.7	98.0
RM 3001 – RM 4000	2	1.3	1.3	99.3
RM 4001 ke atas	1	0.7	0.7	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Rajah 4.1 : Taburan Peruntukan Perbelanjaan Untuk Barang Keperluan



Klasifikasi silang (*crosstab*) pendapatan bulanan isi rumah dengan peruntukan perbelanjaan untuk barang keperluan menunjukkan responden yang berpendapatan rendah terpaksa menghabiskan semua pendapatan bulanan mereka untuk mendapatkan barang keperluan. Seramai 39 orang daripada jumlah 40 orang atau 97.5% isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan RM 511 – RM 1020 membelanjakan kesemua pendapatan bulanan mereka dan hanya seorang atau 2.5% sahaja yang hanya membelanjakan sebanyak RM 226 – RM 510. Manakala bagi isi rumah yang mempunyai pendapatan melebihi RM 1021 hanya 22 orang atau 20% sahaja yang membelanjakan kesemua pendapatan bulanan mereka sedangkan bakinya 88 orang atau 80% masih mempunyai lebihan wang atau tabungan setelah membelanjakan wang untuk barang keperluan.

Kesimpulannya, majoriti isi rumah di Petaling Jaya yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM 1021 membelanjakan kesemua pendapatan bulanan mereka untuk barang keperluan sebaliknya kebanyakan isi rumah yang mempunyai pendapatan melebihi RM 1021 hanya membelanjakan sebahagian daripada pendapatan bulanan mereka dan masih mempunyai tabungan atau

lebihan wang. Jadual 4.20 menunjukkan klasifikasi silang peruntukan perbelanjaan untuk barang keperluan dengan pendapatan bulanan isi rumah di Petaling Jaya.

Jadual 4.20 : Klasifikasi Silang Peruntukan Perbelanjaan Untuk Barang Keperluan Dengan Pendapatan Bulanan Isi Rumah.

		Peruntukan Perbelanjaan Untuk Barang Keperluan							Jumlah
		RM 226 – RM 510	RM 511 – RM 1020	RM 1021 – RM 1500	RM 1501 – RM 2000	RM 2001 – RM 3000	RM 3001 – RM 4000	RM 4001 ke atas	
P e n d a p a t a n	RM 511 – RM 1020	1	39	0	0	0	0	0	40
	RM 1021 – RM 1500	1	10	9	0	0	0	0	20
	RM 1501 – RM 2000	0	7	22	7	0	0	0	36
	RM 2001 – RM 3000	0	3	3	11	5	0	0	22
	RM 3001 – RM 4000	0	0	2	10	0	0	0	12
	RM 4001 ke atas	0	0	0	9	8	2	1	20
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>	<b>59</b>	<b>36</b>	<b>37</b>	<b>13</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>150</b>

#### 4.4 Barang keperluan yang menjadi pilihan utama pengguna

##### 4.4.1 Barang *darūriyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.

Taburan barang *darūriyyāt* yang menjadi pilihan pengguna menunjukkan kesemua 100% atau 150 orang responden di Petaling Jaya memilih makanan dan minuman, barang keperluan dapur, bil air dan elektrik, barang kegunaan bilik mandi dan bahan pencuci sebagai barang yang mesti ada dalam perbelanjaan bulanan mereka. Begitu juga dengan bil telefon,<sup>4</sup> minyak motor atau kereta<sup>5</sup> dan yuran dan peralatan sekolah telah dipilih oleh majoriti responden.


Perubatan pula hanya dipilih oleh 42% responden iaitu 63 orang manakala sewa rumah pula dipilih oleh seramai 57 orang yang mewakili 38% daripada jumlah keseluruhan responden. Walaupun pakaian dan kasut adalah barang

keperluan asas hanya 55 orang yang mewakili 36.7% jumlah keseluruhan sahaja yang memilihnya kerana pakaian dan kasut kebiasaannya tidak dibeli pada setiap bulan. Jadual 4.21 dan Rajah 4.2 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut barang *darūriyyāt* yang menjadi pilihan utama.

Jadual 4.21 : Taburan barang *darūriyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.

Barang <i>Darūriyyāt</i>	Kekerapan dipilih	Kekerapan tidak dipilih	Peratus (%) Dipilih
Makanan dan minuman	150	0	100.0
Barang keperluan dapur	150	0	100.0
Bil air dan elektrik	150	0	100.0
Barang kegunaan bilik mandi	150	0	100.0
Bahan pencuci	150	0	100.0
Bil telefon	143	7	95.3
Minyak motor / kereta	142	8	94.7
Yuran dan peralatan sekolah	110	40	73.3
Perubatan	63	87	42.0
Sewa rumah	57	93	38.0
Pakaian dan kasut	55	95	36.7

Rajah 4.2 : Taburan barang *darūriyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.




#### 4.4.2 Barang *hājiyyāt* yang menjadi pilihan pengguna

Taburan barang *hājiyyāt* yang menjadi pilihan pengguna menunjukkan TV dan radio menjadi pilihan utama pengguna iaitu seramai 146 orang yang mewakili 97.3% daripada keseluruhan 150 orang responden. Manakala perabot dan khidmat pembaikan merupakan kategori yang paling sedikit dipilih iaitu masing-masing hanya dipilih oleh 10 orang responden yang mewakili 6.7% keseluruhan responden. Jadual 4.22 dan Rajah 4.3 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut barang *hājiyyāt* yang menjadi pilihan.

Jadual 4.22 : Taburan barang *hājiyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.

Barang <i>Hājiyyāt</i>	Kekerapan Dipilih	Kekerapan tidak dipilih	Peratus (%) dipilih
TV dan radio	146	4	97.3
Peti sejuk	140	10	93.3
Mesin basuh	127	23	84.7
Telefon bimbit	105	45	70.0
Akhbar dan majalah	95	55	63.3
Ansuran kenderaan	88	62	58.7
Pengangkutan awam	42	108	28.0
Alat permainan	38	112	25.3
Perkhidmatan Pos	18	132	12.0
Perabot	10	140	6.7
Khidmat pembaikan	10	140	6.7

Rajah 4.3 : Taburan barang *hājiyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.




#### 4.4.3 Barang *tahsīniyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.

Taburan barang *tahsīniyyāt* yang menjadi pilihan pengguna menunjukkan makan di luar rumah menjadi pilihan paling utama iaitu dipilih oleh seramai 83 orang responden yang mewakili 55.3% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden diikuti oleh kategori makanan kesihatan yang menjadi pilihan 82 orang responden atau 54.7% daripada jumlah keseluruhan. Manakala barang kemas merupakan kategori yang paling sedikit dipilih iaitu hanya oleh 4 orang responden yang mewakili 2.7% daripada keseluruhan responden. Jadual 4.23 dan Rajah 4.4 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut barangan *tahsīniyyāt* yang menjadi pilihan utama.

Jadual 4.23 : Taburan barang *tahsīniyyāt* yang menjadi pilihan pengguna.

Barang <i>Taḥṣīniyyāt</i>	Kekerapan dipilih	Kekerapan tidak dipilih	Peratus (%) dipilih
Makan di luar rumah	83	67	55.3
Makanan kesihatan	82	68	54.7
Komputer dan internet	39	111	26.0
Rokok	36	114	24.0
Barangan kosmetik	35	115	23.3
Perkhidmatan nursery	27	123	18.0
Alat sukan	26	124	17.3
Gaji pembantu rumah	24	126	16.0
Penghawa dingin	8	142	5.3
Melancong	8	142	5.3
Barang kemas	4	146	2.7

Rajah 4.4 : Taburan barang tahnisiyyat yang menjadi pilihan pengguna



#### 4.4.4 Barang keperluan yang menjadi pilihan utama pengguna.

Kesimpulannya, taburan barang keperluan yang menjadi pilihan utama pengguna menunjukkan terdapat 12 jenis barang yang menjadi pilihan utama pengguna di Petaling Jaya iaitu dipilih oleh lebih daripada 70% responden. Jadual 4.24 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut barang keperluan yang menjadi pilihan utama pengguna.

Jadual 4.24 : Taburan barang keperluan yang menjadi pilihan utama pengguna.

Barang keperluan	Kekerapan dipilih	Kekerapan tidak dipilih	Peratus (%) Dipilih
Makanan dan minuman	150	0	100.0
Barang keperluan dapur	150	0	100.0
Bil air dan elektrik	150	0	100.0
Barang kegunaan bilik mandi	150	0	100.0
Bahan pencuci	150	0	100.0
TV dan radio	146	4	97.3
Bil telefon	143	7	95.3
Minyak motor / kereta	142	8	94.7
Peti sejuk	140	10	93.3
Mesin basuh	127	23	84.7
Yuran dan peralatan sekolah	110	40	73.3
Telefon bimbit	105	45	70.0

#### 4.5 Faktor tarikan pembelian barang keperluan

Responden telah diberikan lima faktor tarikan yang mendorong mereka membeli sesuatu barang keperluan iaitu faktor diskaun harga, label halal, pembungkusan yang menarik, iklan yang tersebar luas dan tarikh luput barang.


Majoriti responden di Petaling Jaya iaitu seramai 94 orang yang mewakili 62.6% keseluruhan 150 orang responden meletakkan label halal sebagai faktor tarikan yang paling utama. Manakala seramai 42 orang atau 28% memilih faktor diskaun harga sebagai faktor tarikan pembelian yang paling utama.

Faktor tarikh luput dan faktor iklan yang tersebar luas masing-masing hanya dipilih oleh 4.7% atau 7 orang responden sahaja. Tidak ada responden yang memilih faktor pembungkusan yang menarik sebagai faktor tarikan yang paling utama. Jadual 4.25 dan Rajah 4.5 menunjukkan taburan faktor tarikan pembelian barang keperluan yang paling utama bagi responden di Petaling Jaya.

Jadual 4.25 : Taburan faktor tarikan pembelian barang keperluan yang paling utama.

Faktor Tarikan Pembelian	Kekerapan	Peratus (%)
Label halal	94	62.6
Diskaun harga	42	28.0
Tarikh luput	7	4.7
Iklan yang tersebar luas	7	4.7
Pembungkusan yang menarik	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.00</b>

Rajah 4.5 : Taburan faktor tarikan pembelian barang keperluan yang paling utama



#### 4.5.1 Faktor Label Halal

Seramai 94 orang responden yang mewakili 62.7% keseluruhan 150 orang responden menyatakan faktor label halal adalah paling utama. Manakala 40 orang yang mewakili 26.7% responden menyatakan faktor ini sebagai faktor yang utama. Hanya 9 orang responden yang mewakili 6% responden menyatakan label halal sebagai kurang utama. Selebihnya 4.6% atau 7 orang responden menyatakan faktor ini sebagai tidak utama. Jadual 4.26 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut faktor label halal.

Jadual 4.26 : Taburan responden mengikut faktor label halal

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	paling utama	94	62.7	62.7	62.7
	utama	40	26.7	26.7	89.4
	kurang utama	9	6.0	6.0	95.4
	tidak utama	7	4.6	4.6	100
	Total	150	100.0	100.0	

#### 4.5.2 Faktor Diskaun Harga

Seramai 42 orang responden yang mewakili 28% keseluruhan 150 orang responden menyatakan faktor diskaun harga sebagai faktor yang paling utama dan

40 orang responden atau 26.7% menyatakan sebagai utama. Majoriti responden iaitu seramai 55 orang yang membentuk 36.7% responden menyatakan faktor diskaun harga kurang utama. Manakala 10 orang responden yang mewakili 6.6% menyatakan faktor ini tidak utama dan selebihnya hanya 3 orang responden yang membentuk 2% responden menyatakan sebagai paling tidak utama. Jadual 4.27 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut faktor diskaun harga.

Jadual 4.27 : Taburan responden mengikut faktor diskaun harga

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid				
paling utama	42	28.0	28.0	28.0
utama	40	26.7	26.7	54.7
kurang utama	55	36.7	36.7	91.4
tidak utama	10	6.6	6.6	98.0
paling tidak utama	3	2.0	2.0	100.0
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.5.3 Faktor Tarikh Luput

Majoriti responden menyatakan faktor tarikh luput sebagai faktor yang utama iaitu seramai 54 orang yang membentuk 36% jumlah keseluruhan responden. Manakala 41 orang yang mewakili 27.3% responden menyatakan faktor ini kurang utama diikuti dengan 19 orang atau 12.7% responden menyatakan tidak utama. Seramai 29 orang yang mewakili 19.3% responden lagi menyatakan sebagai faktor yang paling tidak utama. Selebihnya 7 orang yang membentuk 4.7% keseluruhan responden menyatakan faktor tarikh luput sebagai faktor yang paling utama. Jadual 4.28 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut faktor tarikh luput.

Jadual 4.28 : Taburan responden mengikut faktor tarikh loput

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	paling utama	7	4.7	4.7	4.7
	utama	54	36.0	36.0	40.7
	kurang utama	41	27.3	27.3	68.0
	tidak utama	19	12.7	12.7	80.7
	paling tidak utama	29	19.3	19.3	
	<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.5.4 Faktor Iklan Yang Tersebar Luas

Majoriti responden iaitu sebanyak 38.7% daripada jumlah keseluruhan atau seramai 58 orang menyatakan faktor iklan yang tersebar luas adalah paling tidak utama diikuti dengan 48 orang yang membentuk 32% responden menyatakannya sebagai tidak utama. Manakala 31 orang yang mewakili 20.7% responden menyatakan faktor ini adalah faktor yang kurang utama. Selebihnya hanya 6 orang atau 4% responden menyatakan faktor iklan yang tersebar luas adalah utama dan 7 orang atau 4.6% responden menyatakannya sebagai paling utama. Jadual 4.29 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut faktor iklan yang tersebar luas.

Jadual 4.29 : Taburan responden mengikut faktor iklan yang tersebar luas.

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	paling utama	7	4.6	4.6	4.6
	utama	6	4.0	4.0	8.6
	kurang utama	31	20.7	20.7	29.3
	tidak utama	48	32.0	32.0	61.3
	paling tidak utama	58	38.7	38.7	
	<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.5.5 Faktor Pembungkusan Yang Menarik

Majoriti responden menyatakan faktor pembungkusan yang menarik adalah faktor yang tidak utama iaitu seramai 66 orang yang membentuk 44% keseluruhan responden diikuti dengan 60 orang yang mewakili 40% responden

menyatakan sebagai paling tidak utama. Manakala 9.3% responden atau 14 orang menyatakan faktor ini kurang utama dan hanya 10 orang iaitu 6.7% responden menyatakan utama. Tiada responden yang memilih faktor pembungkusan yang menarik sebagai faktor yang paling utama. Jadual 4.30 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut faktor pembungkusan yang menarik.

Jadual 4.30 : Taburan responden mengikut faktor pembungkusan yang menarik

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	utama	10	6.7	6.7	6.7
	kurang utama	14	9.3	9.3	16.0
	tidak utama	66	44.0	44.0	60.0
	paling tidak utama	60	40.0	40.0	
	<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.6 Saluran maklumat mengenai barang keperluan

Taburan min menunjukkan responden di Petaling Jaya mendapat maklumat mengenai barang keperluan paling kerap melalui media elektronik diikuti dengan media cetak yang mana kedua-duanya mempunyai nilai min iaitu 4.2800 (sisihan piawai : 0.91314) bagi media elektronik dan 3.9000 (sisihan piawai : 0.98819) bagi media cetak.


Manakala agen jualan langsung dan internet merupakan saluran yang paling kurang digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai barang keperluan iaitu internet hanya mempunyai nilai min 1.6400 (sisihan piawai : 0.89952) dan nilai min bagi agen jualan langsung ialah 2.4267 (sisihan piawai : 1.07658). Jadual 3.31 dan Rajah 4.6 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut saluran maklumat mengenai barang keperluan.

Jadual 4.31 : Taburan saluran maklumat mengenai barang keperluan

Saluran maklumat	Mean	Std. Deviation
Media elektronik	4.2800	0.91314
Media cetak	3.9000	0.98819
Rakan, jiran atau keluarga	3.1400	0.96259
Risalah	3.0933	1.08897
Agen jualan langsung	2.4267	1.07658
Internet	1.6400	0.89952

Taburan min adalah berasaskan kepada 5 nilai skala likert iaitu 1 = tidak pernah sehingga 5 = paling kerap. Semakin tinggi nilai min menunjukkan kekerapan yang semakin tinggi.

Rajah 4.6 : Taburan saluran maklumat mengenai barang keperluan



#### 4.6.1 Maklumat daripada media elektronik

Majoriti responden iaitu seramai 79 orang atau 52.7% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden menyatakan paling kerap mendapat maklumat mengenai barang keperluan melalui media elektronik diikuti oleh 43 orang yang membentuk 28.7% responden menyatakan kerap. Selebihnya seramai 20 orang yang mewakili 13.3% responden menyatakan kadang-kadang mendapat maklumat daripada media elektronik dan 4.6% atau 7 orang lagi menyatakan jarang. Hanya seorang sahaja atau 0.7% responden yang menyatakan tidak pernah mendapat maklumat mengenai barang keperluan melalui media elektronik. Jadual 4.32

menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut maklumat daripada media elektronik.

Jadual 4.32 : Taburan responden mengikut maklumat media elektronik

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid				
tidak pernah	1	0.7	0.7	0.7
jarang	7	4.6	4.6	5.3
kadang-kadang	20	13.3	13.3	18.6
kerap	43	28.7	28.7	47.3
paling kerap	79	52.7	52.7	
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.6.2 Maklumat daripada media cetak

Responden yang menyatakan paling kerap dan kerap mendapat maklumat mengenai barang keperluan melalui media cetak mempunyai bilangan yang sama iaitu masing-masing 50 orang yang setiap kategori membentuk 33.3% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden. Manakala 24% responden yang mewakili 36 orang responden menyatakan hanya kadang-kadang mendapat maklumat melalui media cetak. Selebihnya 13 orang atau 8.7% responden menyatakan jarang dan hanya terdapat seorang sahaja atau 0.7% responden yang menyatakan tidak pernah mendapat maklumat mengenai barang keperluan melalui media cetak. Jadual 4.33 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut maklumat daripada media cetak.

Jadual 4.33 : Taburan responden mengikut maklumat media cetak

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid				
tidak pernah	1	0.7	0.7	0.7
jarang	13	8.7	8.7	9.3
kadang-kadang	36	24.0	24.0	33.3
kerap	50	33.3	33.3	66.7
paling kerap	50	33.3	33.3	
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.6.3 Maklumat daripada rakan, jiran atau keluarga

Seramai 16 orang yang mewakili 10.7% responden menyatakan paling kerap mendapat maklumat mengenai barang keperluan melalui rakan, jiran atau

keluarga manakala 29 orang atau 19.3% responden menyatakan kerap. Namun majoriti responden iaitu 69 orang yang membentuk 46% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden menyatakan kadang-kadang menerima maklumat daripada rakan, jiran atau keluarga. Bakinya 32 orang atau 21.3% menyatakan jarang dan hanya 4 orang yang mewakili 2.7% yang menyatakan tidak pernah menerima maklumat mengenai barang keperluan melalui rakan, jiran atau keluarga. Jadual 4.34 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut maklumat daripada rakan, jiran atau keluarga.

Jadual 3.34 : Taburan responden mengikut maklumat rakan, jiran atau keluarga

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid				
tidak pernah	4	2.7	2.7	2.7
jarang	32	21.3	21.3	24.0
kadang-kadang	69	46.0	46.0	70.0
kerap	29	19.3	19.3	89.3
paling kerap	16	10.7	10.7	
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

#### 4.6.4 Maklumat daripada risalah

Seramai 15 orang yang mewakili 10% daripada keseluruhan responden menyatakan paling kerap menerima maklumat melalui risalah manakala 40 orang atau 26.7% menyatakan kerap. Sebaliknya majoriti responden iaitu 50 orang yang membentuk 33.3% daripada jumlah keseluruhan 150 orang menyatakan kadang-kadang menerima maklumat mengenai barang keperluan melalui risalah. Selebihnya 34 orang atau 22.7% responden menyatakan jarang dan 11 orang atau 7.3% menyatakan tidak pernah menerima maklumat mengenai barang keperluan melalui risalah. Jadual 4.35 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut maklumat daripada risalah.

Jadual 4.35 : Taburan responden mengikut maklumat risalah

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak pernah	11	7.3	7.3	7.3
	jarang	34	22.7	22.7	30.0
	kadang-kadang	50	33.3	33.3	63.3
	kerap	40	26.7	26.7	90.0
	paling kerap	15	10.0	10.0	
	<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

## 4.6.5 Maklumat daripada agen jualan langsung

Majoriti responden iaitu seramai 53 orang yang membentuk 35.3% daripada keseluruhan 150 orang responden menyatakan jarang menerima maklumat mengenai barang keperluan melalui agen jualan langsung. Manakala responden yang menyatakan tidak pernah menerima maklumat menerusi agen jualan langsung dan kadang-kadang menerima maklumat daripada agen jualan langsung mempunyai bilangan yang sama iaitu masing-masing seramai 33 orang atau 22% responden. Seramai 29 orang yang mewakili 19.4% responden menyatakan kerap menerima maklumat melalui agen jualan langsung dan hanya 2 orang responden atau 1.3% sahaja yang menyatakan paling kerap. Jadual 4.36 menunjukkan responden di Petaling Jaya mengikut maklumat daripada agen jualan langsung.

Jadual 4.36 : Taburan responden mengikut maklumat agen jualan langsung

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak pernah	33	22.0	22.0	22.0
	jarang	53	35.3	35.3	57.3
	kadang-kadang	33	22.0	22.0	79.3
	kerap	29	19.4	19.4	98.7
	paling kerap	2	1.3	1.3	
	<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.6.6 Maklumat daripada internet

Majoriti responden iaitu seramai 87 orang yang membentuk 58% daripada keseluruhan 150 orang menyatakan tidak pernah menerima maklumat mengenai barang keperluan melalui internet. Manakala 38 orang atau 25.3% responden menyatakan jarang dan 19 orang atau 12.7% responden menyatakan kadang-kadang. Hanya 4 orang sahaja yang mewakili 2.7% responden menyatakan kerap menerima maklumat daripada internet dan bakinya 2 orang atau 1.3% responden menyatakan paling kerap. Jadual 4.37 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut maklumat daripada internet.

Jadual 4.37 : Taburan responden mengikut maklumat internet

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid				
tidak pernah	87	58.0	58.0	58.0
jarang	38	25.3	25.3	83.3
kadang-kadang	19	12.7	12.7	96.0
kerap	4	2.7	2.7	98.7
paling kerap	2	1.3	1.3	100.0
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Kesimpulannya, saluran maklumat yang paling popular bagi pengguna di Petaling Jaya mendapatkan maklumat mengenai barang keperluan ialah melalui media elektronik dan media cetak. Sebaliknya saluran maklumat melalui agen jualan langsung dan internet agak kurang popular.

#### 4.7 Lokasi pembelian barang keperluan

Taburan min menunjukkan responden di Petaling Jaya paling kerap membeli barang keperluan di pasaraya besar diikuti dengan kedai runcit, pasar dan pasar malam atau pasar tani dengan nilai min yang melebihi daripada nilai tiga iaitu

3.9600 (sisihan piawai : 1.07366) bagi pasaraya besar, 3.9533 (sisihan piawai : 0.92929) bagi kedai runcit dan 3.7800 (sisihan piawai : 0.85035) bagi pasar.


Peraih merupakan lokasi yang paling kurang dipilih oleh responden untuk membeli barang keperluan iaitu mempunyai nilai min hanya 1.6933 (nilai sisihan : 0.80223). Jadual 4.38 dan Rajah 4.7 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut lokasi pembelian barang keperluan.

Jadual 4.38 : Taburan lokasi pembelian barang keperluan yang paling kerap dipilih

	Pasaraya besar	Kedai runcit	Pasar	Pasar malam/tani	Peraih
Mean	3.9600	3.9533	3.7800	3.3200	1.6933
Std. Deviation	1.07366	0.92929	0.85035	0.95059	0.80223

Taburan min adalah berdasarkan kepada 5 nilai skala likert iaitu 1 = tidak pernah sehingga 5 = paling kerap. Semakin tinggi nilai min menunjukkan kekerapan yang semakin tinggi.

Rajah 4.7 : Taburan lokasi pembelian barang keperluan yang paling kerap dipilih



#### 4.7.1 Pasaraya besar

Majoriti responden iaitu seramai 63 orang yang membentuk 42% daripada keseluruhan 150 orang responden menyatakan paling kerap membeli barang keperluan di pasaraya besar diikuti oleh 36 orang yang mewakili 24% responden menyatakan kerap. Manakala 35 orang atau 23.3% responden menyatakan kadang-kadang membeli barang keperluan di pasaraya besar. Selebihnya 14 orang atau

9.4% responden menyatakan jarang dan hanya 2 orang atau 1.3% responden sahaja yang menyatakan tidak pernah membeli barang keperluan di pasaraya besar. Jadual 4.39 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut lokasi pasaraya besar.

Jadual 4.39 : Taburan responden mengikut lokasi pasaraya besar

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid				
tidak pernah	2	1.3	1.3	1.3
jarang	14	9.4	9.4	10.7
kadang-kadang	35	23.3	23.3	34.0
kerap	36	24.0	24.0	58.0
paling kerap	63	42.0	42.0	100.0
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.7.2 Kedai runcit

Bilangan responden yang menyatakan paling kerap dan kerap membeli barang keperluan di kedai runcit adalah sama iaitu masing-masing 51 orang atau 34% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden. Manakala seramai 38 orang yang mewakili 25.3% responden menyatakan kadang-kadang membeli barang keperluan di kedai runcit dan bakinya seramai 10 orang atau 6.7% responden menyatakan jarang. Jadual 4.40 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut lokasi kedai runcit.

Jadual 4.40 : Taburan responden mengikut lokasi kedai runcit

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid				
jarang	10	6.7	6.7	6.7
kadang-kadang	38	25.3	25.3	32.0
kerap	51	34.0	34.0	66.0
paling kerap	51	34.0	34.0	100.0
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.7.3 Pasar

Majoriti responden iaitu seramai 65 orang yang membentuk 43.3% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden menyatakan kerap membeli barang keperluan di pasar dan 31 orang atau 20.7% responden menyatakan paling kerap. Manakala 44 orang responden yang mewakili 29.3% responden menyatakan kadang-kadang membeli barang keperluan di pasar dan bakinya 10 orang responden atau 6.7% menyatakan jarang. Jadual 4.41 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut lokasi pasar.

Jadual 4.41 : Taburan responden mengikut lokasi pasar

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid				
jarang	10	6.7	6.7	6.7
kadang-kadang	44	29.3	29.3	36.0
kerap	65	43.3	43.3	79.3
paling kerap	31	20.7	20.7	
Total	150	100.0	100.0	100.0

#### 4.7.4 Pasar malam / tani

Majoriti responden iaitu 42% atau 63 orang daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden menyatakan kadang-kadang membeli barang keperluan di pasar malam atau pasar tani. Manakala 40 orang yang mewakili 26.7% responden menyatakan kerap membeli barang keperluan di pasar malam atau pasar tani dan 19 orang atau 12.7% responden menyatakan paling kerap. Sebaliknya 26 orang yang mewakili 17.3% responden menyatakan jarang membeli barang keperluan di pasar malam atau pasar tani dan bakinya 2 orang atau 1.3% responden yang menyatakan tidak pernah. Jadual 4.42 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut lokasi pasar malam atau pasar tani.

Jadual 4.42 : Taburan responden mengikut lokasi pasar malam / tani

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak pernah	2	1.3	1.3	1.3
	jarang	26	17.3	17.3	18.6
	kadang-kadang	63	42.0	42.0	60.6
	kerap	40	26.7	26.7	87.3
	paling kerap	19	12.7	12.7	100.0
<b>Total</b>		<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.7.5 Peraih

Majoriti responden seramai 72 orang yang membentuk 48% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden menyatakan tidak pernah membeli barang keperluan daripada peraih dan 56 orang yang mewakili 37.4% responden pula menyatakan jarang. Manakala 20 orang atau 13.3% responen menyatakan kadang-kadang membeli barang keperluan daripada peraih dan hanya 2 orang atau 1.3% responden sahaja yang menyatakan paling kerap membeli barang keperluan daripada peraih. Jadual 4.43 menunjukkan taburan responen di Petaling Jaya mengikut lokasi peraih.

Jadual 4.43 : Taburan responden mengikut lokasi pembelian daripada peraih

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak pernah	72	48.0	48.0	48.0
	jarang	56	37.4	37.4	85.4
	kadang-kadang	20	13.3	13.3	98.7
	paling kerap	2	1.3	1.3	100.0
	<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.8 Faktor Pemilihan Lokasi Pembelian Barang


Faktor yang paling diberikan perhatian oleh responden apabila memilih lokasi pembelian barang ialah faktor lokasi yang menawarkan pelbagai pilihan diikuti dengan faktor lokasi yang selesa dan menyenangkan dan faktor

menjimatkan masa dan tenaga. Faktor yang paling kurang diberi perhatian ialah faktor lokasi yang menarik dan cantik. Jadual 4.44 dan Rajah 4.8 menunjukkan taburan faktor pemilihan lokasi pembelian barang bagi responden di Petaling Jaya.

Jadual 4.44 : Taburan faktor pemilihan lokasi pembelian barang

Faktor pemilihan lokasi	Kekerapan dipilih	Kekerapan tidak dipilih	Peratus dipilih
Menawarkan pelbagai pilihan	140	10	93.3 %
Selesa dan menyenangkan	130	20	86.7 %
Menjimatkan masa dan tenaga	127	23	84.7 %
Menarik dan cantik	70	80	46.7 %

Rajah 4.8 : Taburan faktor pemilihan lokasi pembelian barang



Seramai 140 orang responden yang mewakili 93.3% responden mementingkan faktor menawarkan pelbagai pilihan dalam memilih lokasi pembelian barang keperluan dan sebanyak 86.7% atau 130 orang responden mementingkan faktor lokasi yang selesa dan menyenangkan. Faktor menjimatkan masa dan tenaga pula telah dipilih oleh 127 orang atau 84.7% responden. Hanya 70 orang atau 46.7% sahaja responden yang mementingkan faktor lokasi yang menarik dan cantik dalam pemilihan lokasi pembelian barang keperluan.

#### 4.9 Kriteria pemilihan barang keperluan

Taburan min menunjukkan kriteria yang paling penting kepada responden apabila menggunakan barang keperluan ialah kriteria halal diikuti oleh kriteria suci dan bersih, kriteria kualiti dan mutu, kriteria harga yang murah dan kriteria maklumat yang jelas dan terperinci. Kesemua kriteria ini mempunyai nilai min yang tinggi iaitu melebihi nilai empat.


Manakala kriteria yang paling tidak penting ialah kriteria sesuai dengan taraf dan gaya hidup dengan nilai min 3.3667 (sisihan piawai : 1.08940). Jadual 4.45 dan Rajah 4.9 menunjukkan taburan kriteria pemilihan barang keperluan bagi responden di Petaling Jaya.

Jadual 4.45 : Taburan kriteria pemilihan barang keperluan

Kriteria pemilihan	Mean	Std. Deviation
Halal	4.9600	0.19662
Suci dan bersih	4.8600	0.36692
Berkualiti dan bermutu	4.5733	0.57167
Harga yang murah	4.4400	0.74618
Maklumat yang jelas dan terperinci	4.0600	0.82925
Lokasi kedai yang berdekatan	3.8733	0.92900
Layanan penjual yang memuaskan	3.7800	0.88135
Jenama yang disukai	3.4267	0.92211
Sesuai dengan taraf dan gaya hidup	3.3667	1.08940

Taburan min adalah berdasarkan kepada 5 nilai skala likert iaitu 1 = tidak penting sehingga 5 = sangat penting. Semakin tinggi nilai min menunjukkan kekerapan yang semakin tinggi.

Rajah 4.9 : Taburan kriteria pemilihan barang keperluan



Kesimpulannya, berdasarkan kepada nilai min bagi setiap kriteria terdapat tujuh kriteria yang mendapat nilai min melebihi 3.5 yang mana boleh dikategorikan sebagai kriteria yang penting iaitu kriteria halal diikuti oleh kriteria suci dan bersih, kriteria kualiti dan mutu, kriteria harga yang murah dan maklumat yang jelas dan terperinci, lokasi kedai berdekatan dan layanan penjual yang memuaskan. Kriteria yang selebihnya iaitu jenama yang disukai dan sesuai dengan taraf dan gaya hidup pula mendapat nilai min kurang daripada 3.5 yang mana boleh dikategorikan sebagai kriteria yang kurang penting dalam pemilihan barang keperluan.

#### 4.9.1 Halal

Majoriti responden iaitu seramai 144 orang yang mewakili 96% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden menyatakan kriteria halal sangat penting dalam pemilihan barang keperluan. Selebihnya 6 orang atau 4% responden menyatakan kriteria halal adalah penting. Jadual 4.46 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut kriteria halal.

**Jadual 4.46 : Taburan responden mengikut kriteria halal**

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	penting	6	4.0	4.0	4.0
	sangat penting	144	96.0	96.0	
	<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

#### 4.9.2 Suci bersih

Seramai 130 orang yang mewakili 86.6% daripada keseluruhan 150 orang responden menyatakan kriteria suci dan bersih sangat penting dalam pemilihan barang keperluan dan 19 orang atau 12.7% responden menyatakan penting. Hanya seorang atau 0.7% responden yang tidak kisah dengan kriteria suci dan bersih dalam pemilihan barang keperluan. Jadual 4.47 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut kriteria suci dan bersih.

**Jadual 4.47 : Taburan responden mengikut kriteria suci dan bersih**

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak kisah	1	0.7	0.7	0.7
	penting	19	12.7	12.7	13.4
	sangat penting	130	86.6	86.6	
	<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

#### 4.9.3 Berkualiti dan bermutu

Sebanyak 61.3% responden yang mewakili 92 orang daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden menyatakan kriteria berkualiti dan bermutu sangat penting dalam pemilihan barang keperluan dan 34.7% atau 52 orang lagi menyatakan penting. Hanya 6 orang iaitu 4% responden sahaja yang tidak kisah dengan kriteria berkualiti dan bermutu dalam pemilihan barang keperluan. Jadual 4.48 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut kriteria berkualiti dan bermutu.

Jadual 4.48 : Taburan responden mengikut kriteria berkualiti dan bermutu

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak kisah	6	4.0	4.0	4.0
	penting	52	34.7	34.7	38.7
	sangat penting	92	61.3	61.3	
	Total	150	100.0	100.0	100.0

#### 4.9.4 Harga yang murah

Majoriti responden iaitu seramai 87 orang yang membentuk 58% daripada keseluruhan 150 orang responden menyatakan kriteria harga yang murah sangat penting diikuti oleh 44 orang yang mewakili 29.3% responden menyatakan penting. Selebihnya 17 orang atau 11.4% responden menyatakan tidak kisah dan bakinya 1.3% atau 2 orang responden menyatakan kriteria harga yang murah kurang penting dalam pemilihan barang keperluan. Jadual 4.49 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut kriteria harga yang murah.

Jadual 4.49 : Taburan responden mengikut kriteria harga yang murah

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	kurang penting	2	1.3	1.3	1.3
	tidak kisah	17	11.4	11.4	12.7
	penting	44	29.3	29.3	42.0
	sangat penting	87	58.0	58.0	
	Total	150	100.0	100.0	100.0

#### 4.9.5 Maklumat yang jelas dan terperinci

Seramai 48 orang yang membentuk 32% daripada jumlah 150 orang responden menyatakan kriteria maklumat yang jelas dan terperinci sangat penting dalam pemilihan barang keperluan. Manakala majoriti responden seramai 71 orang yang mewakili 47.3% responden menyatakan maklumat yang jelas dan terperinci adalah kriteria yang penting. Sebaliknya 23 orang atau 15.4% responden tidak kisah dengan kriteria ini dan selebihnya seramai 8 orang

responden atau 5.3% menyatakan kurang penting. Jadual 4.50 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut kriteria maklumat yang jelas dan terperinci.

Jadual 4.50 : Taburan responden mengikut kriteria maklumat jelas dan terperinci

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	kurang penting	8	5.3	5.3	5.3
	tidak kisah	23	15.4	15.4	20.7
	penting	71	47.3	47.3	68.0
	sangat penting	48	32.0	32.0	
	<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.9.6 Lokasi kedai yang berdekatan

Seramai 44 orang yang mewakili 29.3% responden menyatakan lokasi kedai yang berdekatan merupakan kriteria yang sangat penting. Namun majoriti responden seramai 54 orang yang membentuk 36% daripada jumlah keseluruhan 150 responden menyatakan penting. Sebaliknya 42 orang atau 28% responden pula tidak kisah dengan kriteria lokasi kedai yang berdekatan. Bakinya seramai 9 orang atau 6% responden menyatakan kriteria ini kurang penting dan hanya seorang sahaja atau 0.7% responden yang menyatakan kriteria lokasi kedai yang berdekatan tidak penting dalam pemilihan barang keperluan. Jadual 4.51 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut kriteria lokasi kedai yang berdekatan.

Jadual 4.51 : Taburan responden mengikut kriteria lokasi kedai yang berdekatan

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak penting	1	0.7	0.7	0.7
	kurang penting	9	6.0	6.0	6.7
	tidak kisah	42	28.0	28.0	34.7
	penting	54	36.0	36.0	70.7
	sangat penting	44	29.3	29.3	
	<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.9.7 Layanan penjual yang memuaskan

Majoriti responden seramai 58 orang yang membentuk 38.7% daripada keseluruhan 150 orang responden menyatakan kriteria layanan penjual yang memuaskan adalah penting dalam pemilihan barang keperluan. Manakala 34 orang yang mewakili 22.7% responden menyatakan sangat penting. Sebaliknya seramai 51 orang atau 34% responden tidak kisah dengan kriteria ini. Selebihnya 5 orang atau 3.3% responden menyatakan kurang penting dan 2 orang atau 1.3% menyatakan kriteria layanan penjual yang memuaskan tidak penting dalam pemilihan barang keperluan. Jadual 4.52 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut kriteria layanan penjual yang memuaskan.

Jadual 4.52 : Taburan responden mengikut kriteria layanan penjual yang memuaskan

	Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid				
tidak penting	2	1.3	1.3	1.3
kurang penting	5	3.3	3.3	4.6
tidak kisah	51	34.0	34.0	38.6
penting	58	38.7	38.7	77.3
sangat penting	34	22.7	22.7	
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.9.8 Jenama yang disukai

Majoriti responden iaitu seramai 62 orang yang membentuk 41.3% daripada keseluruhan 150 orang responden tidak kisah dengan kriteria jenama yang disukai dalam pemilihan barang keperluan. Manakala 45 orang atau 30% responden menyatakan penting dan 21 orang atau 14% responden menyatakan sangat penting. Sebaliknya 21 orang atau 14% menyatakan kurang penting dan bakinya hanya seorang atau 0.7% responden yang menyatakan kriteria jenama yang disukai tidak penting dalam pemilihan barang keperluan. Jadual 4.53 menunjukkan responden di Petaling Jaya mengikut kriteria jenama yang disukai.

**Jadual 4.53 : Taburan responden mengikut kriteria jenama yang disukai**

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak penting	1	0.7	0.7	0.7
	kurang penting	21	14.0	14.0	14.7
	tidak kisah	62	41.3	41.3	56.0
	penting	45	30.0	30.0	86.0
	sangat penting	21	14.0	14.0	100.0
<b>Total</b>		<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.9.9 Sesuai dengan taraf dan gaya hidup

Majoriti responden iaitu seramai 55 orang yang membentuk 36.6% daripada jumlah keseluruhan 150 orang responden tidak kisah dengan kriteria sesuai dengan taraf dan gaya hidup. Manakala 42 orang atau 28% responden menyatakan penting dan 25 orang atau 16.7% responden menyatakan kriteria ini sangat penting. Sebaliknya 9 orang atau 6% responden menyatakan tidak penting. Jadual 4.54 menunjukkan taburan responden di Petaling Jaya mengikut kriteria sesuai dengan taraf dan gaya hidup

**Jadual 4.54 : Taburan responden mengikut kriteria sesuai dengan taraf dan gaya hidup**

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak penting	9	6.0	6.0	6.0
	kurang penting	19	12.7	12.7	18.7
	tidak kisah	55	36.6	36.6	55.3
	penting	42	28.0	28.0	83.3
	sangat penting	25	16.7	16.7	100.0
<b>Total</b>		<b>150</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

#### 4.10 Penutup

Secara keseluruhannya responden di Petaling Jaya tinggal di sebuah bandar besar yang sedang pesat membangun yang mempunyai penduduk yang pelbagai kaum dengan adat dan tradisi masing-masing.

Kebanyakan responden memiliki tahap pendidikan yang agak baik yang membolehkan mereka bekerja di dalam bidang perkhidmatan dan keusahawanan yang mendatangkan pendapatan bulanan yang agak tinggi.

Keseluruhan responden tinggal di kawasan bandar besar yang mempunyai pelbagai kemudahan dan infrastruktur yang moden dan canggih yang mendedahkan mereka kepada maklumat yang terkini daripada pelbagai sumber.

Kebanyakan responden yang rata-ratanya mempunyai pendapatan yang agak tinggi masih lagi mempunyai lebihan wang setelah berbelanja untuk barang keperluan. Namun mereka terpaksa menanggung kos sara hidup yang agak tinggi di bandar besar. Terdapat 12 jenis barang yang menjadi pilihan utama responden di Petaling Jaya iaitu makanan dan minuman, barang keperluan dapur, bil air dan elektrik, barang kegunaan bilik mandi, bahan pencuci, TV dan radio, yuran dan peralatan sekolah, minyak motor / kereta, bil telefon, peti sejuk, mesin basuh dan telefon bimbit .

Faktor tarikan utama pembelian adalah label halal diikuti dengan diskaun harga, tarikh luput, iklan yang tersebar luas dan pembungkusan yang menarik. Saluran maklumat yang paling kerap bagi responden di Petaling Jaya mendapat maklumat berkaitan barang keperluan adalah melalui media elektronik.

Lokasi pembelian yang paling kerap dipilih adalah pasaraya besar dengan menjadikan faktor menawarkan pelbagai pilihan sebagai faktor yang paling

diberikan perhatian diikuti dengan faktor selesa dan menyenangkan dan faktor menjimatkan masa dan tenaga. Manakala halal menjadi kriteria yang paling penting apabila menggunakan barang keperluan bagi responden di Petaling Jaya.

## Nota Hujung :

<sup>1</sup> Mengikut Rancangan Malaysia Kelapan 2001 – 2005, pendapatan isi rumah bulanan purata bagi Selangor yang dikategorikan sebagai negeri lebih maju bagi tahun 1999 ialah RM 3 702 dengan kadar kemiskinan sebanyak 2 %.

<sup>2</sup> Rancangan Malaysia Kelapan 2001 – 2005 telah menetapkan Pendapatan Garis Kemiskinan bagi Semenanjung Malaysia berdasarkan purata saiz isi rumah 4.6 orang pada tahun 1999 ialah pendapatan bulanan RM 510 ke bawah.

<sup>3</sup> Zainal Abidin Jaafar (2001), **Pengendalian Baitul Mal Di Wilayah Persekutuan**, kertas kerja ketiga, Seminar Ke Arah Pembangunan Baitul Mal Kebangsaan di Kuala Lumpur anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 26 – 27 Jun 2001, m.s 9,17 - 18.

<sup>4</sup> Jadual Petunjuk Sosioekonomi Terpilih Mengikut Negeri dalam Rancangan Malaysia Kelapan 2001 – 2005 menunjukkan bilangan telefon setiap 1 000 penduduk pada tahun 2000 bagi negeri Selangor yang berada dalam kategori negeri lebih maju ialah 462.0.

<sup>5</sup> Jadual Petunjuk Sosioekonomi Terpilih Mengikut Negeri dalam Rancangan Malaysia Kelapan 2001 – 2005 menunjukkan bilangan kereta dan motosikal berdaftar setiap 1 000 penduduk pada tahun 2000 bagi negeri Selangor yang berada dalam kategori negeri lebih maju ialah 367.9.